The separation of power and authority between the Management and the Board is manifested through clear demarcation of roles and responsibilities. The position of the Chairman and the Chief Executive Officer (CEO) is individually held by two (2) persons, such that no one individual has unfettered powers of decision. Y.A. Bhg. Tun Dato' Seri Hj. Mohd. Eusoff bin Chin is the Chairman of Bintulu Port Holdings Berhad and Encik Mior Ahmad Baiti bin Mior Lub Ahmad is the Chief Executive Officer (CEO) of the Company. The Chairman is primarily responsible for the orderly conduct and workings of the Board, whilst the responsibility for the day-to-day running of the business rests with the CEO. He is accountable for leading the management team, implementing the policies / decisions approved by the Board. The CEO chairs the Management Committee, Major Tender Board and IT Steering Committee.

The Board of Directors comprises of all Non-Executive Directors which are independent from the Management, thus free from any business or other relationship that could materially affect the exercise of their power and authority.

iii. Supply of Information

The Management supplies the Board with timely, reliable and relevant information, analysis and recommendations to enable the Board to discharge its duties effectively.

Notice of meetings, agenda and board papers circulated in advance of the meeting dates for each item to be perused by the Directors. The meetings are structured and scheduled with sufficient time given to the Directors in obtaining further explanations. Management representatives who are able to provide additional insight will be present during the Board or Board Committees meetings. As and when necessary, appointed advisers and professionals may be invited to provide further explanations and advice.

Additionally, the Management updates the Board amongst others, of the followings :-

- Details of utilisation of Initial Public Offer, The Management Best Practices including financial and operational practices
- The Performance Standard
- The annual business plan and updates
- Quarterly results of the Company and the Group
- Directors' compliance with specific requirements

The Company Secretary is responsible for ensuring that Board policies and procedures are complied with and all proceedings of the Board and Board Committees are properly recorded. The Board members also have separate and independent access to the Company Secretary to assist them as and when necessary.

iv. Appointments and Re-election to The Board

By virtue of Article 132 of Memorandum and Articles of Association, the Board may appoint a person who is willing to act as director to fill a casual vacancy or as an additional director, provided that the appointed director does not exceed any number fixed by the Article. A Director so appointed shall hold office until the next annual general meeting and shall then be eligible for re-election.

The Board therewith delegated the process of appointment and re-election of directors to the Nomination Committee whereby the Nomination Committee shall assess and make recommendations to the Board for its consideration and approval. The wide spectrum of skills, expertise, knowledge and experiences that the proposed director shall acquire to complement the Board will be taken into consideration. A formal and transparent procedures for all appointments to the Board and its various Committees are adopted and implemented. The Company Secretary is entrusted with responsibility in ensuring that all appointments are properly made, that all necessary information is obtained from Directors, both for the company's own records and for the purpose of meeting statutory obligations, as well as obligations arising from the Listing Rules of Exchange or other regulatory requirements.

The election of directors shall take place each year with one third (1/3) of the directors who are subject to retirement by rotation and shall retire from office in every Annual General Meeting pursuant to Article 127 of the Company's Articles of Association and para 7.28 of the BMLR.

The retirement and re-election of the Chairman are subject to Section 129(2) of the Companies Act 1965 as the Chairman, Y.A. Bhg. Tun Dato' Seri Hj. Mohd. Eusoff bin Chin attends the age of 72.

For further details of the directors standing for re-election, please refer to Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting on page 8 of the Annual Report.

v. Board Committees

The Board has set up four (4) Board Committees, namely the Audit Committee, the Nomination Committee, the Remuneration Committee and the Finance and Risk Management Committee. Each Committee responsible for supportive and specific roles assisting the Board to discharge its duties and responsibilities effectively particularly in realising its responsibilities to shareholders and stakeholders. In discharging their duties and responsibilities, each committee works within clearly defined terms of reference so as to ensure the effectiveness of the execution of the Board's duties. Each committee reviews, evaluates and makes recommendation to the Board on matters within their defined roles for Board's consideration and approval. The Board Commitees' proceedings are well documented as part of the Board's official document.

Further details on Board Committees, please refer to page 60 to 61 of this Annual Report .

vi. Training of The Board

The directors have attended the Mandatory Accreditation Programme (MAP) in compliance with the Bursa Malaysia Listing Requirements.

The Board has also identified the Continuous Education Programme (CEP) and the Company has allocated sufficient training budget annually . As at to date, various CEP attended by the directors are as follows :-

- Seminar on Review of Major Legal Requirements Addressing Related Party Transaction
- Seminar on Practical Aspect in Conducting General Meeting of Public Listed Companies
- Audit Committee's Unique Competency Requirements
- Finance for Non Finance Directors
- Company Valuation, Restructuring & Funding
- International Currency Risk Management
- Risk Management Seminar
- Understanding Financial Management For Company Directors and Senior Management
- Managing Business Turnaround
- Managing Going Global Business
- Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad Corporate Governance Conference "Financial Reporting and Alternative Solutions to Achieving Better Corporate Governance"
- Latest Trends in Corporate Governance, Internal Audit, Detection and Prevention of Fraud and Credit Rating
- Adopting Risk Management System Framework For Company Director and Senior Management

Exposure on technical aspects of port operation and business are also given to the directors to keep them abreast with current development of the industry.

vii.Director's Remuneration

The Board determines the remuneration packages of director. In practice, the Board has delegated the Remuneration Committee to propose, review and recommend a remuneration packages for the directors of the Company. Director's fees to all Non-Executive Directors , including the Chairman are paid after obtaining approval from the shareholders at the Annual General Meeting based on the recommendations of the Board.

Remuneration packages recommended reflects the Group's Financial Performance of the Company. Executive Directors must abstain from deliberations and voting on decisions in respect of their individual remuneration.

Number of directors remuneration included within the range of the followings:

Remuneration Range	Number of Directors	
	Executive	Non-Executive
Less than RM 50,000.00	-	-
RM 50,001.00 – RM100,000.00	-	9
RM100,001.00-RM150,000.00	-	-
Above RM150,000.00	-	-

3. BOARD MEETINGS

The Company emphasises on full attendance of Board of Directors. Therefore, a pre-determined schedule of meetings were distributed in advance to the directors in order to ensure full participation and deliberation on all agendas by the Board. Hence, with the scheduled meetings, the execution of activities of the Company are streamlined accordingly. During the financial year ended 31 December 2007, the Board held six (6) meetings, inclusive of one(1) by way of circulation.

Details of the Board of Director's attendance are as per Statement Accompanying Notice of Annual General Meetings on page 8 hereto.

4. ANNUAL GENERAL MEETING

The Group utilises the Annual General Meeting as the principal forum for dialogue between the Board and the shareholders to exchange views and also to approve on all shareholder's matters such as payment of dividend, the director's fees, election and appointment of directors, appointment of Auditors and other related matters. Full reports on any special resolutions will be included in the agenda accompanying the notice of meeting.

An open Question and Answer Session will be held for the Board to respond accordingly to any shareholder who wishes to seek further details and clarification regarding any proposed resolutions as well as matters relating to the Group's businesses and affairs.

A press conference is held immediately after the Annual General Meeting where the Chairman advises the press on the resolutions passed and answers question posed by the press on the Group.

5. INVESTORS RELATION AND SHAREHOLDER COMMUNICATION

The Board values effective communication by both the Board and the Management with shareholders, stakeholders, investors as well as the public in general. This is to reflect the Board's commitment towards enhancing transparency, accountability and shareholder's value in long term. Thus, all important issues and major developments involving the Company such as Strategic Business Plan, Corporate's Direction, track record on Financial and Operational Performance as well as capital expenditure are properly disseminated through the followings:

i. The Company's General Meetings;

ii. The publication and dissemination of the Annual Report;

iii. The timely release of financial results on a quarterly basis;

iv. Announcement on major developments to the Bursa Malaysia; and

v. The Company's website at www.bintuluport.com.my

The Company also took part in regular briefing and interfacing sessions with investors, shareholders and analysts organised by Research and Broking Agencies.

6. ACCOUNTABILITY AND AUDIT

i. Financial Reporting

In cognisance of the recommendation of the Malaysian Code of Corporate Governance, the Board acknowledges that Financial Reporting should reflect a balanced and understandable assessment of the company's position and prospects through financial statement with quarterly and annually announcement of results to shareholders. In tandem with new and revised Financial Reporting Standard, the Board will ensure that the Company's and the Group's financial results are in accordance with the applicable approved accounting standards in Malaysia and the provisions of the Companies Act, 1965.

The Board is committed to provide timely, relevant and up-to-date disclosures of the performance of the Group. This commitment is reflected by releases of announcements on quarterly financial results.

The Board is assisted by the Audit Committee in scrutinising information on financial results for disclosure to ensure accuracy, adequacy and completeness.

The Board has also initiated separate session with the External Auditor without the present of the Management.

ii. Internal Control

The Board is committed to maintaining a sound system of internal controls to safeguard shareholders' investment and the Group's assets.

For further details of the Statement on Internal Control, kindly refer to page 56 to 57 of this Annual Report.

iii. Audit Committee and Auditor's Relation

The Board establishes professional relationship through its Audit Committee and the Internal Audit Department. Internal Audit Department performs its functions with impartiality, proficiency and due professional care with regular monitoring of the Group's key controls and procedures. External Auditor will highlight to the Group their findings and matters that require the Board's attention on the statutory financial statement.

7. STATUS OF UTILISATION OF PROCEEDS FROM THE INITIAL PUBLIC OFFER

The total fund of the Initial Public Offer (IPO) is RM200.00 million and the actual contract sum incurred to date is RM168.35 million. The completion date for Timber Warehouse, Container Freight Station and Stacking Yard has been extended resulting from the delay in planning approval from the respective approving authority which is beyond control of the Company. Three (3) units of tugboat were completed, delivered and commissioned on November 2007 and January 2008 respectively. The Board will continue to monitor the utilisation of this fund and the implementation of designated projects.

As at 31 December 2007, detailed utilisation of Initial Public Offer is as follows:

Utilisation	Approved Utilisation	Actual Contract Sum	Actual Utilisation As at 31/12/07	Balance of Utilisation of Proceed	Completion date as per Prospectus	Approved new completion date
	(RM million)					
Construction of warehouse facilities						
* Bulk Fertilizer Warehouse	20.00	16.98	18.50	1.50	Sept 2005	Completed on 20/09/05
* Timber Product	10.00	-	-	10.00	March 2006	June 2010
Additional equipment/ facilities for BICT						
* Mobile Harbour Cranes	16.00	9.49	9.49	6.51	Dec 2002	Completed on 7/03/03
* Rubber Tyre Gantry Cranes	12.00	8.69	8.45	3.55	Dec 2003	Completed on 16/05/04
* Container Freight Station	10.00	-	-	10.00	Dec 2003	November 2008
* Container Stacking Yard	10.00	-	-	10.00	Dec 2003	December 2010
Purchase of 5 units Tugboats	71.00	75.47	80.75	(9.75)	Dec 2002	2 units of 25 tons tugboats were completed on 15/11/02 and 3 unit 45 tons were completed on 02/11/07, 09/01/08 and 24/01/08 respectively.
- 2 units 25 tons tugboats			25.95			
- 3 units 45 tons tugboats			54.80			
Listing Expenses	11.00	11.16	11.16	(0.16)	-	-
Working Capital	40.00	40.00	40.00	-	-	-
Total	**200.00**	**161.79**	**168.35**	**31.65**	**-**	**-**

8. RECURRENT RELATED PARTY TRANSACTIONS OF A REVENUE NATURE

There are no new related parties involved with the Group other than existing ones which comprises State Financial Secretary, Sarawak (SFS) and Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). The transactions involved are in the ordinary course of business and are of terms not favourable to the related party than those generally available to the public. The services rendered or goods purchased are based on a non-negotiable fixed price which is published or publicly quoted and all material terms including the prices or changes are applied consistently to all customers or classes of customers.

9. NON-AUDIT FEES

The total non-audit fees of RM516,000.00 payable to the External Auditor for the financial year ended 31 December 2007 were for the following items :

i. Review of Director's Statement on Internal Control for the year ended 31 December 2007;

ii. Reading of Annual Report, review management assessment of impairment for bulking assets, attendances of Audit Committee, Board of Directors meetings and AGM, accounting advise on proposed disposal of staff housing unit and research on impact of potential change in year end;

iii. Review of The Programme for Integrated Information on Technology System to Bintulu Port Sdn Bhd;

iv. Review of Marine Service Feasibility Study;

v. To develop a Risk Management Framework to Bintulu Port Sdn Bhd;

vi. To advise in relation to the financing of the bulking facilities, including the review of draft loan agreement;

vii. To advise on tax implication in relation to Port Staff Housing Development Project;and

viii. Tax documentation & Risk Assessment Review.

10. MATERIAL CONTRACT

There was no material contract entered into by the Company and its subsidiaries involving the Directors' and major shareholders' interest still subsisting at the end of the year.

11. IMPOSITION OF SANCTION / PENALTIES ON THE COMPANY AND ITS SUBSIDIARIES FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2007

There was no sanction / penalties imposed on the company, its subsidiaries, Board of Directors and management for the financial year ended 31 December 2007.

12. DETAILS OF ATTENDANCE AT MEETINGS HELD IN THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2007

For attendance, please refer to page 8 and 60 to 61 of Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting and Board Committee respectively.

Having reviewed the practices and institutional framework/structures that are currently in place, the Board is of the view that Bintulu Port Holdings Berhad has complied and observed the substantive provisions of the Malaysian Code of Corporate Governance.

Statement made in accordance with The Board's Resolution dated the 28th day of February 2008.

Tun Dato' Seri Hj. Mohd. Eusoff bin Chin **Chairman**	**Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim** **Director**

PENYATA MENGENAI URUSTADBIR KORPORAT

Penyata Urustadbir Korporat ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) selaras dengan Kod Urustadbir Korporat Malaysia (Semakan 2007) dan mematuhi Perenggan 15.26 Kehendak-Kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia.

1. TANGGUNGJAWAB UTAMA LEMBAGA PENGARAH

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah sentiasa bertindak menjaga kepentingan Syarikat dan para pemegang saham melalui kawalan penuh dan berkesan ke atas Syarikat dan urusan Kumpulan.

Dalam melaksanakan peranannya, Lembaga Pengarah telah diberi kepercayaan dengan tanggungjawab-tanggungjawab berikut:-

I. Mengkaji, melulus, menerima pakai dan memantau perkara-perkara berikut:

- Pelan Stratejik Syarikat;
- Bajet dan unjuran kewangan Syarikat;
- Amalan Terbaik Pengurusan termasuk amalan kewangan dan operasi; dan
- Piawaian Prestasi

II. Menyelia perilaku perniagaan Syarikat dan menilai samaada perniagaan diurus dengan baik;

III. Melantik dan menetapkan ganjaran pengurusan kanan;

IV. Membangun dan melaksanakan program hubungan dengan pelabur;

V. Mengkaji dan menyelia perkara-perkara berikut:-

- kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Syarikat termasuk sistem pematuhan terhadap undang-undang yang diterimapakai, peraturan, arahan dan garis panduan
- perlaksanaan sistem yang sesuai atau prosidur yang perlu bagi mengurus dan mengawal semua risiko secara efektif melalui Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah telah menurunkan tanggungjawab tertentu kepada jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan, Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Ganjaran bagi membantu melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab dan mewujudkan sebahagian integrasi rangkakerja urustadbir Syarikat. Tanggungjawab urustadbir korporat yang baik terletak kepada Lembaga Pengarah dan aplikasi prinsip urustadbir korporat yang baik dilaksanakan melalui beberapa cara seperti dibentangkan dalam seksyen berikutnya.

2. KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

I. Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah terdiri dari individu-individu yang mempunyai kemahiran, latarbelakang dan pengalaman yang luas dari segi perniagaan, kewangan, undang-undang dan perkhidmatan awam seperti yang digariskan pada mukasurat 32 hingga 48 Laporan Tahunan ini. Komposisi seramai enam (6) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan tiga (3) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif telah mematuhi Perenggan 15.02 Kehendak-Kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia yang memerlukan satu pertiga (1/3) Lembaga Pengarah terdiri dari Pengarah Bebas. Semua Pengarah telah memberi deklarasi, akujanji dan pengesahan untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia.

Pemegang-pemegang saham utama adalah Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SFS) dan Kumpulan Wang Persaraan (diperbadankan) (KWAP). Kesemua pemegang saham utama mempunyai wakil sebagai pengarah dalam Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad.

II. Pengasingan Kuasa dan Autoriti

Pengasingan kuasa dan autoriti antara Pengurusan dan Lembaga Pengarah dinyatakan melalui pembahagian peranan dan tanggungjawab yang jelas. Kedudukan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) akan disandang oleh dua (2) individu yang berlainan untuk memastikan tiada individu mempunyai kuasa yang tidak terbatas dalam membuat keputusan. Y.A. Bhg. Tun Dato' Seri Hj. Mohd. Eusoff bin Chin adalah Pengerusi

PENYATA MENGENAI URUSTADBIR KORPORAT

Bintulu Port Holdings Berhad dan Encik Mior Ahmad Baiti bin Mior Lub Ahmad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Syarikat. Pengerusi bertanggungjawab ke atas pengendalian dan perjalanan fungsi Lembaga Pengarah dengan teratur, manakala tanggungjawab menjaga perjalanan harian perniagaan dikendalikan oleh KPE. Beliau bertanggungjawab mengetuai Pengurusan, melaksanakan polisi / keputusan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. KPE mempengerusikan Jawatankuasa Pengurusan, Lembaga Tender Utama dan Jawatankuasa Pemandu IT.

Semua ahli Lembaga Pengarah terdiri dari Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas dari Pengurusan syarikat atau mempunyai hubungan yang boleh memberi kesan material ke atas kuasa dan autoriti masing-masing.

III. Bekalan Maklumat

Pengurusan membekalkan Lembaga Pengarah dengan informasi, analisa dan cadangan yang tepat pada waktunya, boleh dipercayai serta relevan bagi membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya secara berkesan.

Notis mesyuarat, agenda dan memorandum diedarkan lebih awal dari tarikh mesyuarat supaya dapat diteliti oleh para Pengarah. Mesyuarat distruktur dan dijadualkan untuk memberi masa yang cukup kepada Pengarah mendapatkan penerangan lanjut. Wakil Pengurusan yang dapat memberi penjelasan tambahan akan turut hadir dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Sekiranya perlu, penasihat dan professional yang dilantik boleh dijemput hadir memberi penjelasan lanjut dan nasihat tertentu.

Sebagai tambahan Pengurusan juga mengemaskini Lembaga Pengarah atas perkara-perkara tertentu antara lain seperti berikut :-

- Perincian penggunaan Dana Terbitan Awam Awal, Amalan Terbaik Pengurusan termasuk amalan kewangan dan operasi
- Piawaian Prestasi
- Pelan tahunan perniagaan dan yang dikemaskini
- Keputusan suku tahunan Syarikat dan Kumpulan
- Pematuhan Pengarah ke atas keperluan yang khusus

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan polisi dan prosidur Lembaga Pengarah dipatuhi dan semua perjalanan mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah direkodkan dengan betul. Ahli-ahli Lembaga Pengarah juga mempunyai akses bebas kepada Setiausaha Syarikat bagi membantu mereka sekiranya perlu.

IV. Perlantikan dan Lantikan Semula Lembaga Pengarah

Seperti yang diperuntukkan oleh Artikel 132 Memorandum dan Tataurusan Syarikat, Lembaga Pengarah boleh melantik seseorang sebagai pengarah bagi mengisi kekosongan atau sebagai pengarah tambahan, dengan syarat pengarah yang dilantik tidak melebihi mana-mana jumlah yang ditetapkan oleh Tataurusan Syarikat. Pengarah yang telah dilantik hendaklah memegang jawatan tersebut sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang dan layak bagi lantikan semula.

Lembaga Pengarah menurunkan kuasa memproses perlantikan dan lantikan semula pengarah kepada Jawatankuasa Penamaan yang akan meneliti dan membuat perakuan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah. Kemahiran, kepakaran, pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam sesuatu bidang yang dimiliki oleh bakal seorang pengarah akan diberi pertimbangan sewajarnya. Prosidur rasmi dan telus berkaitan dengan perlantikan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah diterimapakai dan dilaksanakan. Setiausaha Syarikat diberi kepercayaan dan tanggungjawab memastikan semua perlantikan dibuat secara teratur dan semua informasi yang diperlukan diperolehi dari pengarah untuk tujuan rekod syarikat serta mematuhi obligasi statutori dan juga memenuhi keperluan Kehendak-kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia atau lain-lain keperluan pihak berkuasa berkenaan.

Pemilihan Pengarah hendaklah dilakukan pada setiap tahun dengan satu pertiga (1/3) dari ahli Lembaga Pengarah yang tertakluk kepada persaraan secara pusingan dikehendaki bersara dari jawatannya dalam tiap-

tiap Mesyuarat Agung Tahunan selaras dengan Artikel 127 Tataurusan Syarikat dan Perenggan 7.28 Kehendak-kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia.

Persaraan dan lantikan semula Pengerusi adalah tertakluk pada Seksyen 129(2) Akta Syarikat 1965 memandangkan Pengerusi, Y.A Bhg. Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin mencapai usia 72 tahun.

Butiran lanjut perlantikan semula para Pengarah, sila rujuk Penyata Berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan pada mukasurat 9 Laporan Tahunan ini.

V. Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah menubuhkan empat (4) Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Penamaan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko. Setiap Jawatankuasa bertanggungjawab memainkan peranan sokongan dan khusus bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara berkesan terutama sekali dalam merealisasi tanggungjawabnya kepada pemegang saham dan *stakeholder*. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, setiap jawatankuasa berfungsi mengikut terma rujukan yang jelas untuk memastikan keberkesanan perlaksanaan tugas Lembaga Pengarah. Setiap jawatankuasa meneliti, menilai dan membuat perakuan ke atas perkara-perkara berkaitan peranan masing-masing untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah. Prosiding mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan didokumentasikan dengan baik sebagai sebahagian dari dokumen rasmi Lembaga Pengarah.

Butiran lanjut Jawatankuasa Lembaga Pengarah, sila rujuk mukasurat 62 hingga 63 Laporan Tahunan ini.

VI. Latihan Lembaga Pengarah

Para Pengarah telah menghadiri *Mandatory Accreditation Programme (MAP)* bagi mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia.

Lembaga Pengarah telah mengenalpasti *Continuous Education Programme (CEP)* dan Syarikat juga menyediakan peruntukan bajet latihan yang mencukupi setiap tahun. Setakat ini, pelbagai CEP telah dihadiri oleh para Pengarah seperti berikut:-

- Seminar on Review of Major Legal Requirements Addressing Related Party Transaction
- Seminar on Practical Aspect in Conducting General Meeting of Public Listed Companies
- Audit Committee's Unique Competency Requirements
- Finance for Non Finance Directors
- Company Valuation, Restructuring & Funding
- International Currency Risk Management
- Risk Management Seminar
- Understanding Financial Management For Company Directors and Senior Management
- Managing Business Turnaround
- Managing Going Global Business
- Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad Corporate Governance Conference "Financial Reporting and Alternative Solutions to Achieving Better Corporate Governance"
- Latest Trends in Corporate Governance, Internal Audit, Detection and Prevention of Fraud and Credit Rating
- Adopting Risk Management System Framework For Company Director and Senior Management

Pendedahan kepada aspek teknikal dan operasi pelabuhan juga diberi kepada para Pengarah seiring dengan perkembangan semasa industri.

vi. Ganjaran Pengarah

Lembaga Pengarah menentukan pakej ganjaran pengarah-pengarah. Mengikut amalan, Lembaga Pengarah telah menurunkan kuasa kepada Jawatankuasa Ganjaran untuk mengkaji, mencadang, dan memperakukan pakej ganjaran untuk para pengarah syarikat. Yuran pengarah untuk semua Pengarah Bukan Eksekutif, termasuk Pengerusi akan dibayar berdasarkan perakuan Lembaga Pengarah setelah memperolehi kelulusan pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

Pakej ganjaran yang disyorkan itu menggambarkan Prestasi Kewangan Kumpulan. Pengarah Eksekutif hendaklah mengecualikan diri dari berbincang dan membuat keputusan yang melibatkan ganjarannya.

Bilangan pengarah syarikat yang ganjarannya termasuk dalam lingkungan berikut:

Lingkungan Ganjaran	Bilangan Pengarah	
	Eksekutif	Bukan Eksekutif
Kurang dari RM 50,000.00	-	-
RM 50,001.00 – RM100,000.00	-	9
RM100,001.00-RM150,000.00	-	-
RM150,000.00 ke atas	-	-

3. MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Syarikat memberi penekanan pada kehadiran penuh ahli Lembaga Pengarah. Oleh yang demikian, jadual mesyuarat yang ditetapkan terlebih awal diedarkan kepada Pengarah bagi memastikan penyertaan penuh dan perbincangan ke atas semua agenda oleh Lembaga Pengarah. Selain itu penetapan jadual mesyuarat awal juga dapat membantu penyelarasan lain-lain aktiviti Syarikat sewajarnya. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, Lembaga Pengarah telah mengadakan enam (6) mesyuarat, termasuk satu (1) mesyuarat secara edaran.

Butiran kehadiran Lembaga Pengarah sepertimana Penyata Berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan pada muka surat 9.

4. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Kumpulan menggunakan Mesyuarat Agung Tahunan sebagai forum utama bagi dialog antara Lembaga Pengarah dan pemegang-pemegang saham untuk bertukar-tukar pandangan dan juga untuk meluluskan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan pemegang saham seperti pembayaran dividen, ganjaran pengarah, pemilihan dan perlantikan pengarah, perlantikan Juruaudit dan sebagainya. Laporan penuh bagi resolusi khas akan disertakan bersama-sama agenda dan notis mesyuarat.

Sesi Soal - Jawab terbuka akan diadakan bagi Pengarah untuk memberi maklumbalas sewajarnya kepada pemegang saham yang memerlukan maklumat dan keterangan lanjut berkaitan mana-mana resolusi yang dicadangkan termasuk perkara yang berhubungkait dengan perniagaan dan urusan Kumpulan.

Sidang akhbar diadakan sejurus selepas Mesyuarat Agung Tahunan di mana Pengerusi memberi penerangan ke atas resolusi yang diluluskan serta menjawab soalan-soalan wartawan berkaitan dengan hal ehwal perniagaan Kumpulan.

5. HUBUNGAN DENGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI DENGAN PEMEGANG SAHAM

Lembaga Pengarah menghargai komunikasi yang efektif oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan dengan pemegang saham, stakeholder, pelabur juga orang awam secara amnya. Ini menggambarkan komitmen Syarikat untuk meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan nilai pemegang saham dalam jangka panjang. Oleh itu, semua isu-isu penting dan pembangunan utama yang melibatkan Syarikat seperti Pelan Strategik Perniagaan, halatuju Korporat, rekod prestasi kewangan dan operasi serta perbelanjaan modal disebarkan secara teratur melalui:

i. Mesyuarat Agung Syarikat;

ii. Penerbitan dan pengedaran Laporan Tahunan;

iii. Pengedaran semasa keputusan kewangan berdasarkan suku tahunan;

iv. Pengumuman kepada Bursa Malaysia ke atas pembangunan utama Syarikat; dan

v. Laman web Syarikat iaitu www.bintuluport.com.my

Syarikat juga mengambil bahagian dalam sesi taklimat dan perjumpaan dengan pelabur, pemegang saham dan juga penganalisa anjuran Agensi Broker dan Penyelidikan.

6. AKAUNTABILITI DAN AUDIT

i. Laporan Kewangan

Menyedari perakuan Kod Urustabdir Korporat Malaysia, Lembaga Pengarah mengakui bahawa Laporan Kewangan hendaklah menggambarkan penilaian yang seimbang serta mudah difahami tentang kedudukan dan prospek Syarikat melalui penyata kewangan dan pengumuman keputusan kewangan suku tahun maupun tahunan kepada pemegang saham. Selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) yang baru dan telah disemak semula, Lembaga Pengarah akan memastikan keputusan kewangan Kumpulan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat 1965.

Lembaga Pengarah adalah komited untuk menyediakan pendedahan prestasi Kumpulan tepat pada masanya, relevan dan terkini. Komitmen ini dapat dilihat melalui pengumuman keputusan kewangan suku tahun yang berkaitan.

Lembaga Pengarah akan dibantu oleh Jawatankuasa Audit dalam usaha memastikan ketepatan, kecukupan dan kesempurnaan maklumat berkaitan keputusan kewangan bagi tujuan pendedahan.

Lembaga Pengarah juga telah mengadakan sesi perbincangan yang berasingan dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

ii. Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah adalah komited menjaga dan memastikan sistem kawalan dalaman yang mantap untuk mengawal kepentingan pelaburan pemegang saham serta aset Kumpulan.

Butiran lanjut Penyata Kawalan Dalaman, sila rujuk mukasurat 58 hingga 59 Laporan Tahunan ini.

iii. Jawatankuasa Audit dan Hubungan Dengan Juruaudit

Lembaga Pengarah mewujudkan hubungan profesional melalui Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Dalam. Jabatan Audit Dalam menjalankan fungsinya tanpa memihak, cekap dan memberi perhatian professional secukupnya melalui susulan yang regular ke atas kawalan dan prosidur utama Kumpulan. Juruaudit Luar akan memaklumkan kepada Kumpulan penemuannya dan perkara yang memerlukan perhatian Lembaga Pengarah bagi penyata kewangan berkanun.

7. STATUS PENGGUNAAN DANA TERBITAN AWAM AWAL

Jumlah Dana Terbitan Awam Awal adalah sebanyak RM200.00 juta dan jumlah kontrak sebenar setakat ini sebanyak RM168.35 juta. Tarikh penyiapan Gudang Kayu-Kayan, *Container Freight Station* dan *Stacking Yard* telah dilanjutkan berpunca dari kelewatan memperolehi kelulusan dari pihak berkuasa melulus berkenaan dan ini di luar kawalan Syarikat. Tiga (3) unit bot tunda masing-masing telah siap dibina, diserah dan ditauliahkan pada November 2007 dan Januari 2008. Lembaga Pengarah akan terus memantau penggunaan dana dan perlaksanaan projek-projek tersebut.

PENYATA MENGENAI URUSTADBIR KORPORAT

Setakat 31 Disember 2007, butiran pengunaan perolehan daripada Dana Terbitan Awam Awal adalah seperti berikut:

Penggunaan	Pengunaan yang diluluskan	Harga Kontrak Sebenar	Penggunaan Sebenar Setakat 31/12/07	Baki Penggunaan Perolehan	Tarikh Penyiapan seperti di dalam Prospektus	Tarikh Penyiapan baru yang diluluskan
	(RM juta)					
Pembinaan Kemudahan Pergudangan						
* Gudang Baja Pukal	20.00	16.98	18.50	1.50	Sept 2005	Siap pada 20/09/05
* Produk Kayu-Kayan	10.00	-	-	10.00	Mac 2006	Jun 2010
Peralatan tambahan / kemudahan BICT						
* Mobile Harbour Cranes	16.00	9.49	9.49	6.51	Dis 2002	Siap pada 7/03/03
* Rubber Tyre Gantry Cranes	12.00	8.69	8.45	3.55	Dis 2003	Siap pada 16/05/04
* Container Freight Station	10.00	-	-	10.00	Dis 2003	November 2008
* Container Stacking Yard	10.00	-	-	10.00	Dis 2003	Disember 2010
Perolehan 5 unit Bot Tunda	71.00	75.47	80.75	(9.75)	Dis 2002	2 unit bot tunda 25 tan telah siap pada 15/11/02 dan 3 unit 45 tan masing-masing telah siap pada 02/11/07, 09/01/08 dan 24/01/08.
- 2 unit bot tunda 25 tan			25.95			
- 3 unit bot tunda 45 tan			54.80			
Perbelanjaan Penyenaraian	11.00	11.16	11.16	(0.16)	-	-
Modal Kerja	40.00	40.00	40.00	-	-	-
Jumlah	**200.00**	**161.79**	**168.35**	**31.65**	**-**	**-**

8. URUSNIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN JENIS HASIL

Tiada urusniaga berulang pihak berkaitan baru yang terlibat dengan Kumpulan melainkan pihak yang sedia ada iaitu Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SFS) dan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). Urusniaga yang terlibat adalah urusniaga dalam keadaan biasa dan tidak menguntungkan pihak berkaitan berbanding dengan yang boleh didapati oleh pihak awam secara umumnya. Perkhidmatan yang diberikan atau barangan yang dibeli berdasarkan harga tetap yang tidak boleh dirunding dan diterbitkan atau disebutharga secara umum dan semua terma utama termasuk harga atau caj yang dikenakan secara konsisten ke atas semua pelanggan atau kelas pelanggan.

9. YURAN BUKAN AUDIT

Yuran bukan audit berjumlah RM516,000.00 dibayar kepada Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 adalah seperti berikut :-

i. Meneliti Penyata Berkaitan Kawalan Dalaman bagi tahun berakhir 31 Disember 2007;

ii. Membaca Laporan Tahunan, meneliti *management assessment of impairment for bulking assets*, kehadiran dalam Jawatankuasa Audit, Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan, memberi nasihat perakaunan ke atas perlupusan unit perumahan staf dan kajian ke atas kesan pertukaran tahun akhir kewangan;

iii. Meneliti *The Programme for Integrated Information on Technology System to Bintulu Port Sdn. Bhd.*;

iv. Meneliti *Marine Services Feasibility Study*;

v Membangunkan *Risk Management Framework to Bintulu Port Sdn Bhd*;

vi. Memberi nasihat berkaitan pembiayaan kewangan ke atas *bulking facilities*, termasuk meneliti deraf perjanjian pinjaman;

vii. Memberi nasihat mengenai kesan cukai berkenaan dengan Projek Pembangunan Perumahan Staf; dan

viii. Meneliti *Tax Documentation & Risk Assessment*.

10. KONTRAK UTAMA

Tiada kontrak material oleh Syarikat dan subsidiarinya yang melibatkan kepentingan para pengarah dan pemegang saham utama yang belum dilaksanakan pada akhir tahun kewangan.

11. PENGENAAN HUKUMAN / PENALTI TERHADAP SYARIKAT DAN SUBSIDIARINYA UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Tiada sebarang hukuman atau penalti yang dikenakan terhadap syarikat, subsidiarinya, Lembaga Pengarah dan Pengurusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

12. BUTIRAN TERPERINCI KEHADIRAN MESYUARAT YANG DIADAKAN DALAM TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Bagi kehadiran, sila rujuk muka surat 9 dan 62 hingga 63 pada Penyata Berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing.

Setelah meneliti amalan-amalan dan rangka kerja institusi / struktur yang ada, Lembaga Pengarah berpendapat Bintulu Port Holdings Berhad telah mematuhi dan mengikuti peruntukan substantif Kod Urustadbir Korporat Malaysia.

Penyata ini dibuat selaras dengan Resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Februari 2008

Tun Dato' Seri Hj. Mohd. Eusoff bin Chin
Pengerusi

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim
Pengarah